



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-32**

**CADANGAN PELAKSANAAN MAKLUM BALAS PEMEGANG TARUH  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2017**

**TUJUAN**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-32 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan Cadangan Pelaksanaan Maklum Balas Pemegang Taruh Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 untuk tahun 2017.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) kali keempat yang diadakan pada 27 November 2015 telah mencadangkan supaya kajian dibuat bagi proses pendaftaran pelajar baharu dengan mengedarkan borang kajian kepada pihak yang berkepentingan dengan skop ISMS (Pendaftaran pelajar Baharu Semasa Minggu Perkasa Putra) seperti pelajar atau ibu bapa. Pelaksanaan soal selidik secara atas talian yang telah dibangunkan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi UPM (IDEC) ini dijalankan dengan menyediakan komputer khas di Kolej Kediaman semasa hari pendaftaran pelajar baharu bermula pada 31 Ogos 2016 sehingga 4 September 2016. Responden adalah Pelajar Baharu dan mereka menjawab soal selidik tersebut selepas selesai menyempurnakan pendaftaran. Laporan pelaksanaan soal selidik ini telah dibawa dan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-31 pada 17 Februari 2017.

**CADANGAN KAJIAN SOAL SELIDIK ISMS TAHUN 2017**

3. Kajian Soal Selidik Pemegang Taruh Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bagi tahun 2017 dicadang untuk dilaksanakan dalam dua (2) kaedah berikut, iaitu:

- (i) Pelaksanaan soal selidik secara atas talian bagi pelajar baharu prasiswazah yang mendaftar di Kampus Serdang dan Bintulu semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi Pengajian 2017/2018. Pelaksanaan soal selidik ini adalah di bawah tanggungjawab Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Timbalan Wakil Pengurusan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); dan

- (ii) Pelaksanaan soal selidik secara manual melalui borang soal selidik kepada pemunya sistem (system owner) bagi semua sistem yang ditempatkan di Pusat Data. Pelaksanaan soal selidik ini akan dilaksanakan sebelum Audit Badan Pensijilan oleh SIRIM atau selewatnya pada penghujung tahun 2017 dan ianya adalah di bawah tanggungjawab peneraju proses yang terlibat di Pusat Data (Timbalan Wakil Pengurusan, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi).
4. Perincian mengenai cadangan pelaksanaan kajian soal selidik ini akan dibawa dan dibentang dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan pada tahun 2017.

## **SYOR**

5. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti adalah diminta mengambil perhatian terhadap perkara berikut:
- (a) cadangan pelaksanaan soal selidik pemegang taruh Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tahun 2017; dan
  - (b) meminta Peneraju Proses ISMS yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya bagi membuat persediaan pelaksanaan soal selidik pemegang taruh ISMS yang telah dirancang.